

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)

TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah-langkah dan strategi Kementerian mempromosikan Askar Wataniah agar ia dapat menarik penglibatan semua lapisan kaum demi menyemarakkan nilai dan semangat kecintaan negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mempromosikan Askar Wataniah kepada masyarakat dan menarik minat penyertaan semua lapisan kaum, Tentera Darat telah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk aktiviti promosi dan program jiwa murni sebanyak 320 sepanjang tahun untuk pasukan-pasukan di bawah Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) terutamanya Rejimen Siri 500 Askar Wataniah di setiap negeri.

Promosi dan pengambilan juga dibuat di 19 Universiti Awam melibatkan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), 50 lokasi IPTA/IPTS/Kolej termasuk 20 Politeknik bertujuan bagi menyemarakkan semangat patriotisme selain menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan dalam bidang ketenteraan.

Di samping itu juga, peranan Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW) di setiap negeri masih dikekalkan iaitu:

NO SOALAN : 19

- a) Menggalakkan rakyat menyertai Angkatan Sukarela Persekutuan (ASP) menerusi kerjasama dan galakan daripada kerajaan negeri;
- b) Merancang semua jenis bantuan kepada ASP bagi menentukan ianya dibangunkan sejajar dengan Pasukan Tetap;
- c) Bertanggungjawab kepada pemimpin-pemimpin kerajaan negeri dalam aspek memberi bantuan kepada ASP dalam membangunkan Rejimen/Pasukan-pasukan ASP di negeri masing-masing;
- d) Menentukan semua agensi kerajaan membantu dalam pembangunan Askar Wataniah; dan
- e) Memberi sokongan dan kerjasama yang dirancang oleh kerajaan negeri menerusi JAKPAW di dalam penggunaan kem gunasama, mempromosikan Askar Wataniah di kalangan masyarakat dan menggalakkan penyertaan orang awam menyertai ASP menerusi komitmen majikan.

Selain itu, syarat-syarat untuk menyertai Angkatan Sukarela Persekutuan (Askar Wataniah) adalah terbuka kepada semua warganegara tanpa mengira apa juu kaum. Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 45 tahun;
- c. Keutamaan kepada calon yang mempunyai kelulusan SPM / SPMV / STPM / STAM atau setaraf atau tamat tingkatan 5; dan
- d. Calon-calon yang memiliki Sijil PMR / Pentaksiran Tingkatan 3 atau sekurang-kurangnya tamat tingkatan 3 di sekolah bantuan kerajaan serta boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan (syarat ini dilonggarkan bagi calon-calon dari pasukan Sukarela Pakar dan dari Malaysia Timur sahaja).